



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**12 November 2022
17 Rabiulakhir 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Peruntukan RM150 juta untuk nelayan• Pelaksanaan Pelan Tindakan Sektorial• Kudrat emas Shafie sebagai nelayan
The Star	•
The Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		11	12.11.22

12.11

Peruntukan RM150 juta untuk nelayan

MAFI memperuntukkan sebanyak RM150 juta bagi kemudahan pembiayaan di bawah Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan bagi Vesel Zon A, Zon B serta diperluaskan kepada Zon C dan Zon C2.

Ia membuka peluang kepada nelayan tempatan untuk menaik taraf dan memodenkan vesel dari aspek keselamatan dan peningkatan kualiti hasil tangkapan.

Pelaksanaan Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) di bawah Agrobank melibatkan peruntukan sebanyak RM800 juta turut diberi bagi menjamin kesinambungan aktiviti pengeluaran makanan.

Menerusinya, had maksimum pembiayaan bagi ternakan ayam, ruminan dan tanaman sayur-sayuran ditetapkan sehingga RM5 juta.

Had maksimum pembiayaan bagi usahawan mikro, mikro baharu dan muda adalah sehingga RM500,000 di samping tempoh pembiayaan untuk DPAKM sehingga 8.5 tahun, termasuk enam bulan moratorium yang akan ditawarkan kepada semua golongan sasaran.



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		11	12.11.22

Pelaksanaan Pelan Tindakan Sektorial

PELAN Tindakan Sektorial terbahagi kepada tiga iaitu tanaman, perikanan dan penternakan. Untuk tanaman, kementerian memperkenalkan SMART SBB iaitu program kerjasama pintar antara kerajaan dan syarikat peneraju melibatkan kawasan penanaman padi seluas 150,000 hektar semusim bagi fasa pertama secara berperingkat di Semenanjung Malaysia.

SMART SBB mampu mengurangkan tanggungan kewangan kerajaan dari segi input pertanian bersubsidi dalam tempoh jangka panjang, melibatkan pemain-pemain industri dalam hampir keseluruhan rantaian industri, mengurangkan kos penanaman, pengurusan padi dan pendapatan pesawah.

Pendekatan ini juga membantu penyusunan semula pemain industri lebih sistematik terutamanya dalam menghapuskan penglibatan orang tengah yang mewujudkan jurang antara pesawah, penghasilan dan pemasaran beras.

Sehingga kini, sebanyak 27 syarikat peneraju telah menyertai program ini di 10 negeri melibatkan hampir 5,000 pesawah dengan keluasan melebihi 11,000 hektar.

Pelan lain adalah Penetapan Harga Siling Benih Padi Sah (BPS) bagi harga benih padi sah maksimum RM35 untuk setiap 20 kilogram (kg) berkuat kuasa musim tanaman pertama, Januari 2021.

Ia juga membuka lebih banyak peluang kepada pesawah menghasilkan benih padi sah termasuk Pertubuhan Peladang



“
Elaun sara hidup nelayan dinaikkan bermula tahun 2021 melibatkan peruntukan RM151 juta.
”

Elaun sara hidup nelayan dinaikkan bagi memanfaatkan 40,000 nelayan laut dan 3,400 nelayan darat.

Kawasan (PPK), syarikat berkaitan kerajaan dan swasta selain memberi manfaat kepada kira-kira 320,000 pesawah di seluruh Semenanjung.

Untuk perikanan pula, MAFI menyediakan kemudahan caruman dalam Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menerusi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri kepada Nelayan.

Seramai 42,000 nelayan dibenarkan mencarum dalam skim Perkeso mengikut Akta Perkeso Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) yang diambil daripada Elaun Sara Hidup Nelayan.

Kerajaan menerusi MAFI turut menaikkan Elaun Sara Hidup Nelayan Laut daripada RM250 kepada RM300 sebulan

bermula pada 2021 melibatkan peruntukan sebanyak RM151 juta.

Elaun Sara Hidup Nelayan Darat juga dinaikkan daripada RM200 kepada RM250 yang memanfaatkan 3,400 orang nelayan.

Untuk penternakan, antara pelan yang dilaksanakan ialah Pelancaran Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara 2021-2025 dan Industri Tenuku Negara untuk meningkatkan SSL pengeluaran daging dan susu segar dalam negara.

Melalui pelan ini, sasaran pengeluaran daging dan susu segar tempatan dapat ditingkatkan untuk mencapai 50 peratus SSL bagi pengeluaran daging menjelang tahun 2025.

Lembaga Ruminan Negara (LRN) bakal ditubuhkan bagi merencanakan pertumbuhan industri ruminan dalam memantapkan pengeluaran daging dan tenusu negara.

Penggubalan RUU bagi penubuhan LRN juga dalam peringkat draf akhir dan dijangka dapat dibentangkan untuk bacaan pertama di Parlimen pada sesi Julai, 2023.

Kerajaan juga memperkuatkan industri sarang burung walet dengan menggalakkan penghasilan produk nilai tambah serta hiliran antara RM14,500 hingga RM40,000 bagi setiap kg sarang burung.

MAFI merencanakan program sistem pendaftaran premis sarang burung walet yang menjadi salah satu syarat dalam pengeksportannya ke China.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		30	12.11.22

Kudrat emas Shafie sebagai nelayan

Pada usia cecah 78 tahun, bapa kepada sembilan anak itu terus bekerja untuk sara keluarga

Oleh NORMAWATI ADNAN
BUKIT GANTANG

Melalui lanjut usia hampir lapan dekad tidak menghairan seorang nelayan warga emas di Kampung Menter, Matang di sini terus bekerja mencari nafkah buat keluarga.

Shafie Madan, 78, masih mengerah titik peluh sendiri dengan turun ke laut menangkap ikan bagi menyara kehidupannya bersama isteri.

Bercakap kepada *Sinar Harian*, bapa kepada sembilan anak itu tidak mahu terlalu ber-

gantung kepada anak-anak kerana masing-masing menjalani hidup serba sederhana.

"Sejak usia 18 tahun saya sudah turun ke laut. Sekarang walaupun dah nak cecah 80 tahun, saya masih lakukan perkara sama. Alhamdulillah, ALLAH kurniakan kesihatan yang baik.

"Bukan kerana anak-anak tak bantu, tetapi saya masih memerlukan pendapatan untuk menyara isteri, apatah lagi isteri sekarang menghidap diabetes dan bergantung kepada rawatan serta ubat-ubatan," katanya.

Berbekalkan bot kayu yang digunakan sejak lebih 20 tahun lalu, Shafie menangkap ikan senangin dan belanak untuk dijual kepada peraih.

Jika cuaca baik, dia mampu meraih hasil tangkapan sekitar RM1,500 sebulan menerusi jualan ikan belanak antara RM4.50 ke RM5 satu kilogram (kg) dan senangin RM15 ke RM20 satu kg.

"Ada masanya enjin bot rosak, dekat dua minggu juga un-



Pada usia 78 tahun, Shafie masih mengerah titik peluh sendiri dengan turun ke laut untuk menangkap ikan.

tuk baiki, terpaksa saya tumpang bot kawan untuk ke laut," katanya yang menerima bantuan enjin sangkut daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) baru-baru ini. Shafie berkata, enjin sang-

kut baharu itu amat diperlukan bagi menggantikan enjin sedia ada yang sering rosak.

"Saya tidak mampu untuk beli sendiri. Jadi, dengan adanya enjin baharu ini, saya boleh turun ke laut.

"Harapan saya selepas ini moga dapat bantuan bot baharu pula, maklumlah bot sekarang ini dah uzur benar," katanya.

LKIM pada 3 November lepas telah menyerahkan bantuan enjin sangkut kepada 25 nelayan sekitar Matang.

Sementara itu, Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, bantuan itu bagi membantu nelayan yang mengalami masalah kerosakan dan keuzuran enjin dalam mencari nafkah sebagai nelayan.

"Pemberian bantuan enjin sangkut ini melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM250,000.

"Bantuan ini selain dapat meringankan beban nelayan, ia juga membantu mereka menambah pendapatan," katanya.

LKIM telah memperuntukkan lebih RM1.47 juta bagi bantuan enjin sangkut pada fasa pertama tahun ini melibatkan 147 penerima.